

26 AUG 1996  
Tenaga-Rebet  
TENAGA NASIONAL GUBAL FORMULA REBET KEPADA PENGGUNA

PETALING JAYA, 26 Ogos (Bernama) -- Tenaga Nasional Berhad telah menggubal satu formula untuk memberi rebet kepada pengguna berikutan gangguan bekalan elektrik pada 3 Ogos.

Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Nuraizah Abdul Hamid hari ini berkata formula itu meliputi rebet bagi pelbagai kategori pengguna dan sama ada ia akan diberi melalui satu bil ataupun secara berperingkat.

Formula itu dibincangkan oleh Tenaga Nasional minggu lepas selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata syarikat itu harus membayar gantirugi kepada pengguna terbabit.

Keputusan muktamad mengenai rebet itu bagaimanapun terpulang kepada kerajaan, katanya kepada Bernama selepas merasmikan pejabat wilayah Ericsson bagi pusat perkhidmatan mesej dekat sini hari ini.

Nuraizah, anggota lembaga Tenaga Nasional itu berkata syarikat berkenaan akan mengemukakan draf itu kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie tetapi tidak menyatakan bila.

Nuraizah berkata selain cadangan rebet itu, Tenaga Nasional juga akan mengemukakan laporan mengenai implikasi kewangan terhadap syarikat itu. Beliau tidak memberikan sebarang perangkaan.

Khamis lepas, Tenaga Nasional berkata ia telah mengadakan mesyuarat mengenai gantirugi dan merujuknya kepada pemegang saham utama syarikat itu.

Pemegang saham terbesar Tenaga Nasional ialah Menteri Kewangan Diperbadankan dan Khazanah Nasional Berhad - sebuah badan pelaburan kerajaan.

Buat masa ini Tenaga Nasional memberi khidmat bagi pengguna domestik, komersil, perindustrian, perlombongan dan lampu awam.

Gangguan bekalan pada 3 Ogos, yang kedua sejak 1992, menyebabkan pengguna di seluruh Semenanjung terputus bekalan elektrik lebih 12 jam dan menyakibatkan kerugian berjuta-juta ringgit terutama sektor pembuatan.

Sementara itu Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) mahu menuntut kerugian RM150,000 daripada Tenaga Nasional kerana gangguan bekalan itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Putrade Property Management Sdn Bhd N.S Pichoo yang menguruskan pusat itu berkata tuntutan gantirugi itu ialah untuk bayaran balik kepada pelanggan yang membatalkan majlis mereka termasuk jamuan malam jubli emas MIC dan kos makanan yang rosak akibat gangguan bekalan itu.

"Disebabkan gangguan itu, kami tidak dapat menyediakan khidmat yang dijanjikan kepada pelanggan dan terpaksa membayar balik beberapa peratus untuk gantirugi dan kini kami meminta gantirugi yang sama daripada Tenaga Nasional," katanya.

Pichoo berkata ini merupakan pengajaran kepada pengurusan PWTC dan kami akan mendapat bekalan tenaga gantian untuk mengelakkan makanan rosak jika berlaku lagi gangguan bekalan elektrik.

Sebelum ini PWTC mempunyai bekalan gantian hanya bagi sistem keselamatan, kecemasan kebakaran dan beberapa lampu. -- BERNAMA

NI RON